



Oleh INTAN SUHANA  
CHE OMAR  
intan.suhana@mediamulia.com.my

TANAMAN landskap yang besar menambahkan saujana mata memandang di satu-satu kawasan.

Bukan setakat indah, ia turut memberi manfaat kepada alam sekitar dan manusia secara tidak langsung.

Selain membekalkan oksigen, pohon hijau turut berfungsi dalam kawalan suhu dan mengawal pencemaran udara.

Namun, sesuaikah tanaman bersaiz besar ini diletakkan di kawasan bandar yang padat dengan penduduk memandangkan ia berisiko tumbang dan membahayakan nyawa?

Pensyarah Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohd. Nazre Saleh berkata, tiada jawapan kukuh sama ada ia sesuai atau tidak, lantaran tanaman landskap memiliki baik dan buruknya yang tersendiri.

"Pokok diakui memberikan banyak kebaikan seperti bekalan oksigen dan sebagainya."

"Namun semua perkara ada baik dan buruk. Analoginya macam kenderaan. Makin besar saiz dan kuasa kuda (cc), makin ada kelebihannya tapi datang dengan risiko."

## Baik, buruk tanaman landskap



MOHD. NAZRE SALEH

“

**Analoginya macam kenderaan. Makin besar saiz dan kuasa kuda (cc), makin ada kelebihannya tapi datang dengan risiko.”**

makin ada kelebihannya tapi datang dengan risiko.

"Oleh itu perlu pemeliharaan dan penyelenggaraan yang baik dan berkala," katanya kepada *Utusan Malaysia*.



KEJADIAN pokok tumbang yang berlaku sering kali melibatkan kemalangan jiwa.

Selasa lalu, satu lagi kejadian pokok tumbang berlaku di Kuala Lumpur sehingga menyebabkan kemalangan jiwa.

Kejadian pokok besar tumbang di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur itu mengorbankan seorang pemandu lelaki berusia 47 tahun, menghempap 17 kenderaan dan landasan monorel selain merosakkan kemudahan awam iaitu perhentian bas.

Menurut laporan, pokok yang tumbang itu merupakan

pokok lama berusia lebih 50 tahun dan di bawah pemantauan pihak swasta.

Malah, insiden pokok tumbang sehingga merugikan nyawa sudah acap kali dan boleh katakan hampir setiap tahun berlaku.

### PERIKSA KERAP

Tegas Mohd. Nazre, pokok terutamanya tanaman landskap yang makin berusia memerlukan pemeriksaan yang lebih kerap.

"Pertamanya sekarang ini adalah zaman perubahan

iklim yang akan banyak membuatkan kita akan hadapi banyak benda baharu yang belum pernah kita hadapi atau malapetaka yang jarang berlaku, tetapi akan lebih kerap berlaku.

"Oleh itu pemikiran dan tindakan perlu disesuaikan ikut keadaan," jelasnya.

Beliau turut menyarankan mengenai kepentingan ketersediaan data dan penyelidikan yang kurang perlu diatasi segera kerana program mitigasi perlukan data sedemikian.

Selain itu, perlu ada sikap terbuka mengenai cadangan untuk memelihara pokok landskap yang memerlukan perbincangan bersama antara semua pemegang taruh.

Mengenai had umur pokok yang sesuai untuk dijadikan tanaman landskap, katanya ia perkara kedua terpenting untuk dibincangkan.

"Bagi saya had umur adalah perkara kedua penting. Pertama perlu ada pemeriksaan risiko secara berkala tiap tahun sekurang kurangnya bagi pokok landskap besar.

"Bidang Arborikultur telah ada pelbagai perkara," katanya.